

Pengenalan kepada Perakaunan: Jawapan Soalan Set 7

- a) I. Andaian wang sebagai ukuran
II. Prinsip kos
- b) Maksud ciri kualitatif penyata kewangan:
- I. Kerelevan: Keupayaan penyata kewangan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna penyata kewangan.
 - II. Perwakilan benar: Penyata kewangan yang bebas dari kesilapan nyata, tidak berat sebelah dan pendedahan fakta dengan bukti sewajarnya.
- c) Dua kelebihan bentuk organisasi syarikat berbanding dengan perkongsian ialah:
- I. Sumbangan modal syarikat adalah lebih besar daripada perkongsian.
 - II. Liabiliti pemegang saham syarikat adalah terhad
- d) C adalah Pengeposan ke lejar.
G adalah Catatan penutupan
- e) Kepentingan penyata kewangan kepada pengguna-pengguna:

Pengguna	Kepentingan penyata kewangan
Pihak pengurusan	Menggunakan maklumat penyata kewangan untuk merancang dan merangka strategi perniagaan bagi masa hadapan.
Akaun belum bayar	Menggunakan maklumat penyata kewangan untuk mengetahui keupayaan perniagaan menjana hasil dan menjelaskan hutang jangka masa pendek